



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(18) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

17 Februari 2010

SIARAN MEDIA

BOMBA TANGANI 40,000 PANGGILAN KECEMASAN

KUALA LUMPUR 17 FEBRUARI 2010 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima secara purata sebanyak 40,000 panggilan setahun atau 110 panggilan kecemasan sehari, kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya lagi, bagi tempoh tiga tahun lepas (2007-2009) sejumlah 146,231 panggilan kecemasan meliputi 71,179 (48.68%) panggilan

kebakaran manakala 75,052 (51.32%) panggilan menyelamatkan telah berjaya ditangani oleh Kementerian ini.

Kong berkata, jumlah kematian akibat kebakaran di negara ini juga berada di bawah 100 orang setahun atau satu kematian bagi 300,000 penduduk manakala bagi tempoh tiga tahun lepas sejumlah 244 (52.25%) kematian dicatatkan manakala 223 (47.73%) kecederaan akibat kebakaran.

Katanya lagi, nilai harta yang berjaya diselamatkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat adalah sebanyak RM25,933.77 bilion (89.71%) dan nilai kerugian harta akibat kebakaran adalah berjumlah RM 2,973.94 bilion (10.29%).

Beliau berkata, sebelum ini jabatan ini dikenali sebagai organisasi pemadam kebakaran, kini ia dikenali sebagai Jabatan Bomba dan Penyelamat iaitu agensi penyelamat utama di negara ini kerana ia mempunyai pelbagai kemahiran, peralatan dan kesanggupan untuk melaksanakan pelbagai misi di dalam negara mahupun di luar negara.

Tambahnya, antara tugas yang dilaksanakan selain daripada memadam kebakaran adalah termasuk menyelamatkan di bangunan tinggi (high rise rescue); menyelamatkan di air (surface and underwater rescue); kemalangan jalan raya (road traffic accident); kemalangan melibatkan bahan kimia berbahaya (hazardous material incident); khidmat perubatan kecemasan (emergency medical services); kebakaran hutan; menyelamatkan dari udara dan misi mencari dan menyelamatkan (search and rescue).

Disamping itu juga JBPM juga mengendalikan pencegahan kebakaran melalui pemastian semua bangunan di negara ini mematuhi piawaian & amalan keselamatan antarabangsa serta penyiasatan kebakaran.

Dengan kekuatan seramai 13,000 pegawai yang ditempatkan di 250 buah balai bomba di seluruh negara, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa bersedia dan membuat kawalan sepanjang masa, jelasnya lagi.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan

*Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli
Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Di keluarkan oleh:

.....

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok
K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321,
Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi
Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Saleki bin Amat
Januri, Pegawai Perhubungan Awam di talian 016-6297481 atau emelkan ke
saleki62@kpkt.gov.my*

.....